

30/04/2002

KWSP puas hati prestasi ahli panel pelaburan

Rohaniza Idris

KUALA LUMPUR, Isnin - Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) berpuas hati dengan prestasi ahli panel pelaburan badan itu yang disifatkan telah melaksanakan tanggungjawab secara profesional.

Malah, Pengerusi KWSP Tan Sri Abdul Halim Ali berkata, ahli panel itu yang dilantik kerajaan, tidak menyimpang daripada tugas yang diamanahkan.

Pada sidang akhbar selepas menyaksikan Majlis Ikrar dan Menandatangani Surat Aku Janji Ketua Jabatan KWSP di sini, hari ini, beliau berkata, kerajaan juga mempunyai keyakinan terhadap ahli panel yang dilantik setiap dua tahun itu.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas usul tidak percaya Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) terhadap ahli panel pelaburan KWSP berikutan pulangan dividen yang rendah tahun lalu.

MTUC dalam mesyuaratnya 1 April lalu, bersetuju untuk menghantar memorandum kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana tidak berpuas hati dengan panel pelaburan KWSP yang didakwa menyebabkan pulangan dividen rendah.

Mac lalu, KWSP mengumumkan dividen lima peratus bagi tahun lalu, susut berbanding enam peratus tahun sebelumnya. Dividen itu didakwa terendah dalam tempoh 25 tahun.

Abdul Halim berkata, ahli panel pelaburan itu dilantik kerajaan dan KWSP tidak mempunyai kuasa untuk menukar ahli panel berkenaan.

Beliau berkata, ahli panel sentiasa berusaha mencari peluang pelaburan baru bagi memastikan dividen yang bakal diperoleh pencarum meningkat dan berpatutan berbanding tahun sebelumnya.

Katanya, kadar dividen yang bakal diperoleh pencarum bergantung kepada keadaan ekonomi semasa.

Katanya, kebanyakan dividen yang diperoleh adalah hasil pendapatan yang berasaskan faedah iaitu kadar faedah rendah tahun lalu.

"Sehubungan itu, dividen sebanyak lima peratus tahun lalu adalah berpatutan. KWSP akan berusaha memastikan pelaburan dijalankan dengan berhati-hati dan selamat.

"Kami sentiasa mengkaji keadaan pasaran dan meneliti setiap cadangan pelaburan yang diajukan Jabatan Pelaburan KWSP setiap dua minggu sekali.

"Malah, panel pelaburan juga meminta Jabatan Pelaburan KWSP mengkaji keadaan semasa untuk mencari peluang pelaburan supaya tidak berlaku kerugian sehingga menurunkan nilai pelaburan dan menjejaskan jumlah dividen caruman," katanya.

Mengenai dividen masa depan, Abdul Halim yakin KWSP akan memberi dividen positif kepada pencarumnya.

Terdahulu, beliau berkata KWSP memberhentikan lima kakitangannya dalam tempoh dua tahun lalu kerana melanggar peraturan dan disiplin.

(END)